

15 NOV 1997

Affifuddin - Mata Wang

DRAF PERATURAN PERDAGANGAN MATA WANG TELAH SIAP

SINTOK, 16 Nov (Bernama) -- Draf peraturan perdagangan mata wang antarabangsa yang dicadangkan Malaysia telah siap dan akan dibincangkan di peringkat serantau terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar berkata draf awal itu akan diperkemaskan semasa mesyuarat pegawai tinggi Kementerian Kewangan Negara Asean di Manila, Filipina minggu depan sebelum dibawa ke Persidangan Menteri Kewangan Negara Asean, awal bulan depan.

Katanya, draf itu meliputi dua aspek, iaitu mewujudkan peraturan dana hadapan dan mewujudkan ketelusan perdagangan mata wang.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan seminar Pasca Belanjawan 1998 di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini, beliau berkata Gabenor Bank Negara Tan Sri Ahmad Mohd Don akan membentangkan draf cadangan Malaysia itu bagi mendapatkan pandangan dan cadangan dari rakan-rakan Asean.

"Perkara berhubung peraturan perdagangan itu telah menjadi agenda Asean kerana beberapa negara Asean terjejas teruk akibat serang spekulator mata wang asing," katanya.

Persidangan Menteri Kewangan Asean pada 1 hingga 2 Dis depan di Kuala Lumpur akan turut dihadiri menteri kewangan dari negara-negara rakan dialog Asean seperti Jepun, Australia, Korea Selatan, Kanada serta negara-negara anggota Kumpulan G-15.

Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus dijadual hadir pada persidangan itu.

IMF telah meminta Malaysia menyediakan draf peraturan perdagangan mata wang itu setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan diwujudkan peraturan seumpama itu berikutan kejatuhan nilai ringgit serta mata wang beberapa negara lain seperti Indonesia dan Thailand.

Affifuddin berkata negara-negara Asean memberi sokongan kuat terhadap cadangan Malaysia itu. -- BERNAMA

MZM oba